



Mawar Safei,
Pensyarah di Pusat Penyelidikan
Bitara Melayu, Universiti Kebangsaan
Malaysia dan penerima
Anugerah S.E.A Write Award 2018.

BAHAN SEJARAH DALAM CERPEN

Menarik sekali apabila pendidikan tawarikh atau sejarah menjadikan cerpen sebagai wadah pengajaran dan pembelajaran. Bukankah sejarah itu ialah kisah, riwayat dan laporan salasilah dan lazimnya disampaikan dalam bentuk cerita? Begitu sebaliknya, cerpen yang mengambil bahan sejarah sebagai inti cerita. Turutan rantaian dan gerak peristiwa benar dapat digembleng dan ditafsir dari lensa yang pelbagai untuk diberikan makna tertentu atau makna baharu di tangan penulis yang kreatif dan penuh imaginasi.

Pada kali ini, kisah pejuang Dol Said di Naning, digarap oleh Nur Hamisha Mohamed Bakarudeen dalam cerpen “Prof. Dol.” Ternyata tokoh ini dimanfaatkan penulis untuk membangunkan sahsiah watak protagonis Haikal. Watak daripada keluarga berada ini pada awalnya diberikan perwatakan yang khayal dengan dunia remaja dan menghadapi masalah pergaulan dengan teman-teman sekolejanya.

Imej Dol Said muncul pada setiap kali Haikal melihat dirinya di cermin. Misteri ini memandu Haikal untuk menyelidik siapakah sebenarnya Dol Said. Di titik ini, penulis mula menggeledah bahan sejarah dan menggunakan beberapa perenggan penuh untuk memerihalkan tokoh pejuang yang menentang Inggeris tersebut. Kewajaran naratif yang dibangunkan penulis memaklumkan bahawa terdapat

hubungan salasilah antara Haikal dengan Dol Said.

Nur Hamisha Mohamed Bakarudeen tidak menggunakan teknik dialog antara Haikal dengan Dol Said secara langsung. Sebaliknya, penulis menceritakan kembali pesanan-pesanan Dol Said daripada sejarah lampau. Misalnya tentang keperluan kesalingan dalam perbezaan kaum dan kepentingan pegangan teguh terhadap agama. Ternyata pesanan Dol Said melalui perjalanan sejarah Naning membekas dalam pertelingkahan yang dihadapi Haikal di kolejnya, malah kemudian melebar merentas isu bangsa dan negara.

Jelas matlamat penulis mengambil sejarah dengan tokohnya sebagai model pembentukan peribadi remaja yang terpuji. Pesanan Dol Said merubah Haikal menjadi remaja yang berjaya dalam pelajaran dan terpuji dalam pergaulannya. Malah lebih daripada itu, isu wabak dibawakan penulis dan sekali lagi pesanan Dol Said diheret masuk. Pada kali ini, Haikal diberikan tanggungjawab menyelamatkan bangsanya daripada penaklukan jahat pihak yang menyediakan penawar wabak. Diperlihatkan bagaimana peranan sejarah sebagai sesuatu yang langka, membawa faedah pada zaman ini.

Menerusi strategi perpaduan atau solidariti, penulis menghadirkan watak-watak pelbagai kaum bersama-sama Haikal untuk menentang

penaklukan berkenaan dengan mendapatkan penawar. Akhirnya, penemuan Haikal dan rakan-rakannya akan penawar wabak itu diiktiraf oleh negara, malah Haikal menerima gelaran “Prof. Dol”, sepertimana judul cerpen ini.

Sejarah akan sering menjadi pelajaran. Itulah antara perutusan Nur Hamisha Mohamed Bakarudeen. Kisah perjuangan Dol Said diberikan makna lain yang lebih segar dan semasa. Sejarah berupaya menjadi acuan pembentukan peribadi, khasnya generasi muda. Sejarah juga dapat mengajar kita untuk tidak mengulangi kesilapan yang lalu dengan mencipta “sejarah baharu”. Malah melalui sejarah, cerpen ini membentangkan peranannya untuk maslahat sejagat sehingga tidak harus terasa disorong-sorong dengan maklumat sejarahnya seperti tahun, nama-nama tokoh atau peristiwa berfakta.

Menyangkutkan sejarah dengan permasalahan semasa yang didepani seperti pandemik COVID-19 sekarang adalah sangat bertepatan. Perlu selalu diimbaskan dan belajar daripada sejarah, bagaimana pertelingkahan hari ini dapat ditangani dengan bijaksana dan tidak diulangi kesilapan lama. Benar, sejarah itu ialah pelajaran. Demikianlah perutusan besar yang dibawakan penulis, Nur Hamisha Mohamed Bakarudeen dalam cerpen kali ini. Syabas! 📖